

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 18/12/2011
Mart: AHAD MS: U9
Ruangan: RUMAH KITA PRSU

TMK ambil kesempatan perkenal lokasi menarik

SINTOK - Tourism Malaysia Kedah (TMK) mengambil kesempatan memperkenalkan lokasi membeli-belah yang menarik di negeri ini sempena dengan *Mega Year End Sale* (MYES) atau *Jualan Mega Penghujung Tahun* yang berlangsung serentak di seluruh negara ini.

Antara aktiviti yang diadakan untuk menayakan sasaran itu termasuklah *Xplorace Kedah - Universiti Utara Malaysia (UUM)* dan *Shopping Hunt* yang akan diadakan di Alor Setar dan Langkawi.

Timbalan Pengarahnya, Shafrul Aman Sabir Ahmad berkata, ia antara promosi bagi menarik lebih ramai pelancong ke Kedah pada penghujung tahun, yang juga musim cuti sekolah.

Menurutnya, buat masa ini pihaknya menyusun pelbagai program promosi untuk pelancongan mengikut musim tertentu dan penghujung tahun sudah begitu sinonim dengan MYES di seluruh negara.

"Justeru, kita menarik penyertaan media dan penggiat industri pelancongan untuk sama-sama menyertai *Xplorace Kedah-UUM* dan



Shafrul Aman (empat, kanan), Ahmad (tiga, kanan) bergambar bersama sebahagian peserta *Xplorace Kedah-UUM* dan *Shopping Hunt*.

Shopping Hunt dalam membantu mempromosikan lokasi menarik untuk dijadikan tumpuan pelancong ke negeri ini.

"Acara *Shopping Hunt* melibatkan lokasi Pekan Rabu di Alor Setar dan Langkawi menjadi antara tempat menarik dikunjungi pelancong yang datang ke Kedah," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan

Malam bersama 80 peserta terdiri daripada pengamal media dari ibu kota dan penggiat industri pelancongan yang menyertai acara berkenaan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Taman dan Rekreasi UUM, Ahmad Yusof.

Ahmad berkata, kerjasama TMK dengan UUM dalam usaha membantu memperkenalkan produk pe-

lancongan terdiri daripada alam semula jadi dan pelancongan pendidikan yang terdapat di kampus itu.

Menurutnya, pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi seperti tasik, kolam memancing, litar go-kart, padang golf, memarah selain keindahan semula jadi flora dan fauna mampu menjadikan kampus itu sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik

di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, Shafrul Aman berkata, pihaknya mendapat maklum balas positif daripada pengurusan hotel iaitu semua tempahan hotel di Langkawi dilaporkan penuh sempena penginjuran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) 2011 Langkawi, baru-baru ini.